

**PENERAPAN AKTIVITI RIADAH
BAGI GOLONGAN ORANG KURANG UPAYA (OKU)
DI TAMAN REKREASI AWAM, TAMAN PERBANDARAN PULAU PINANG**

Oleh

NURAZUREEN BINTI DAUD

**JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN WILAYAH
FAKULTI SENIBINA PERANCANGAN DAN UKUR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (PERAK)
SERI ISKANDAR**

OKTOBER 2012

ABSTRAK

Rekreasi merupakan luahan keinginan dan keperluan semulajadi manusia bagi mendapatkan kepuasan kesenggangan yang mempunyai elemen aktiviti yang dilakukan, keupayaan menerima sosial, pilihan penyertaan secara sukarela, pada dasarnya memotivasikan peserta, tingkah laku dan kesudahan yang diinginkan bagi setiap individu. Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan manfaat bagi penerapan aktiviti riadah bagi golongan orang kurang upaya (OKU). Taman Perbandaran Pulau Pinang yang terletak di pinggir bandar Georgetown merupakan kawasan kajian bagi kajian yang dijalankan. Taman Perbandaran Pulau Pinang terletak di bawah penyelenggaraan Majlis Perbandaran Pulau Pinang yang berkeluasan 172 ekar. Namun, hanya 45 ekar telah dibangunkan dan selebihnya adalah kawasan bukit. Terdapat beberapa isu dan masalah yang dikenalpasti di kawasan kajian. Antara isu dan masalah yang diperolehi ialah prinsip perancangan atau kesepaduan fungsi taman rekreasi awam yang tidak jelas, kemudahan sedia ada tidak fokus kepada aktiviti riadah golongan OKU, dan tiada aktiviti yang khusus untuk golongan OKU. Bagi memastikan terdapatnya isu dan masalah ini, analisis telah dilakukan dan secara keseluruhannya semua isu dan masalah ini memang wujud di tapak kajian. Antara penemuan yang ditemui menjurus kepada isu dan masalah kajian ialah tiadanya penyediaan aktiviti riadah khas untuk OKU, aktiviti riadah sedia ada tidak sesuai untuk OKU, dan elemen kemudahan rekreasi yang disediakan hanya khas untuk kegunaan golongan normal sahaja. Beberapa cadangan yang dibentuk ini adalah bertujuan untuk mengatasi isu dan masalah berkaitan dengan penerapan aktiviti riadah bagi golongan OKU disamping bertujuan untuk memberi peluang hak kesaksamaan bagi semua peringkat masyarakat. Cadangan yang dihasilkan ialah berpandu kepada tiga teras iaitu kesinambungan rekreasi OKU bersepadu, komuniti OKU sejahtera dan pembangunan rekreasi yang efisien. Antara cadangan tersebut ialah dengan menyediakan aktiviti riadah khusus yang bersesuaian dengan OKU, cadangan aktiviti kesukanan dan cadangan kempen OKU bagi menerapkan aktiviti riadah bagi golongan ini. Cadangan yang dicadangkan ini dapat menggambarkan fungsi taman rekreasi secara menyeluruh di kawasan kajian dan dapat menjadi kawasan rekreasi yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t, alhamdulillah bersyukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnia-Nya kajian akhir ini dapat ditamatkan dalam tempoh yang ditetapkan sebagai syarat di dalam memperolehi Diploma Perancangan Bandar dan Wilayah Universiti Teknologi MARA Perak, Kampus Seri Iskandar. Penghargaan yang tidak terhingga kepada keluarga yang dikasihi terutama ibu dan bapa saya yang telah banyak memberi bantuan dari segi kewangan, dorongan dan berkat doa mereka dapat saya menyiapkan kajian ini.

Setinggi – setinggi penghargaan yang tidak terhingga juga kepada penyelia saya yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan panduan dalam menyediakan kajian penyelidikan ini dengan jayanya iaitu En. Johari Taharim. Beliau banyak membantu saya dalam memberi pandangan yang bernas untuk menyiapkan kajian akhir ini. Semoga hasil tunjuk ajar daripada En. Johari Taharim itu dapat saya gunakan pada masa akan datang kelak. Penghargaan ini juga saya tujukan buat Dr. Mohd Fadzil Bin Abdul Rashid selaku Koordinator Projek Kajian Akhir yang telah menjalankan tanggungjawab beliau di dalam menguruskan projek kajian akhir ini sepanjang kajian ini dijalankan.

Tidak lupa juga buat pensyarah-pensyarah lain yang turut memberi tunjuk ajar kepada saya. Jutaan terima kasih diucapkan kepada pihak yang bertanggungjawab memberikan maklumat penting untuk kajian ini, Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan rakan – rakan seperjuangan yang sudi membantu saya menyiapkan tugas ini. Hanya Allah S.W.T sahaja yang dapat membalas jasa dan sumbangan yang telah diberikan. Sekian, terima kasih.

ABSTRAK	i
PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	vi
SENARAI RAJAH	vii
SENARAI FOTO	vii
SENARAI LAMPIRAN	viii

KANDUNGAN	MUKA SURAT
BAB 1.0 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Kenyataan Masalah	2
1.3 Matlamat Kajian	4
1.4 Objektif Kajian	4
1.5 Skop Kajian	5
1.6 kepentingan Kajian	5
1.7 Pendekatan Kajian	6
1.7.1 Peringkat Pertama (Kajian Awalan)	6
1.7.2 Peringkat Kedua (Kajian Teoritikal)	8
1.7.3 Peringkat Ketiga (Pengumpulan Data)	8
1.7.4 Peringkat Keempat (Analisis dan Penemuan)	10
1.7.5 Peringkat Kelima (Cadangan)	11
1.8 Batasan Kajian	12
BAB 2.0 PENERAPAN AKTIVITI RIADAH BAGI GOLONGAN ORANG KURANG UPAYA (OKU) DI TAMAN REKREASI AWAM, TAMAN PERBANDARAN PULAU PINANG	13
2.1 Pengenalan	13
2.2 Rekreasi	14
2.2.1 Definisi Rekreasi	14
2.2.2 Jenis Rekreasi	17
2.2.3 Klasifikasi Pengguna	19
2.2.4 Peranan Rekreasi Dalam Kehidupan Masyarakat	20
2.2.5 Hierarki Kawasan Rekreasi	21
2.2.6 Kemudahan Sokongan	26
2.2.7 Prinsip Asas Perancangan Kawasan Rekreasi	28
2.3 Orang Kurang Upaya (OKU)	33
2.3.1 Definisi OKU	33
2.3.2 Ciri – Ciri Golongan OKU	35
2.3.3 Kemudahan golongan OKU	37
2.4 Dasar Pembangunan Rekreasi dan OKU	39
2.4.1 Dasar – dasar Pembangunan Rekreasi	39

BAB 1.0

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dalam era globalisasi abad ke-21 ini amalan atau tabiat melakukan aktiviti rekreasi mendapat perhatian daripada pihak kerajaan dan perkara ini disedari apabila berlakunya peningkatan daripada kempen membentuk dan menggalakkan gaya hidup sihat di kalangan masyarakat melalui program serta aktiviti yang dirancang. Aktiviti rekreasi (*re-creare* dalam bahasa Latin) merupakan sebarang aktiviti yang dijalankan untuk kepentingan diri sendiri dengan motivasi atau tujuan pada penggunaan masa lapang untuk keseronokan, bersama keluarga atau rakan – rakan. Aktiviti rekreasi biasanya menyegarkan badan dan minda. Selain itu, rekreasi juga didefinisikan sebagai aktiviti terancang yang digunakan bagi masa lapang , contohnya aktiviti perkhemahan , '*rock climbing*' , '*scuba diving*' , '*abseiling*' dan '*jungle tracking*'. Kebiasaannya, rekreasi adalah dalam bentuk sukan atau permainan, hobi, melancong atau bercuti. Rekreasi juga dilakukan sama ada secara individu atau kolektif yang bebas dan tidak didorong oleh sesiapa (R. Kelly dan Kraus, 1996).

Aktiviti riadah yang dilakukan secara rasionalnya dapat memberi peluang kepada masyarakat untuk beriadah bersama keluarga tercinta bukan sahaja berhampiran dengan kawasan kediaman mereka malahan di kawasan yang